

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

AOP403 - PEMBANGUNAN USAHAWAN

Masa : [3 jam]

-----  
ARAHAN  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengangundi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB dan jawab DUA soalan yang lain.

Soalan 1 (Wajib)  
-----

Keusahawan jika dilihat dari sudut fenomena tingkah-laku boleh dibahagikan kepada dua perspektif iaitu "promoter" dan "trustee". Dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, bincangkan kesesuaian kedua-dua perspektif ini di dalam suasana perniagaan di Malaysia?

[25 markah]

Soalan 2 (Wajib)  
-----

Sebagai usahawan anda mempunyai pilihan sama ada memulakan sesuatu perniagaan yang baru (new venture) ataupun mengambil alih sesuatu perniagaan yang telah wujud (going concern). Bincangkan faktor utama yang perlu anda pertimbangkan sebelum keputusan diambil terhadap pengambil alihan perniagaan yang sedia wujud?

[25 markah]

Soalan 3

-----  
Kegagalan usahawan Malaysia kerap kali terjadi akibat ketidakpekaan mereka terhadap "perangkap pengurusan" (management trap). Apakah yang anda faham tentang konsep "management trap"? Bagaimana ia dapat diminimumkan?

[25 markah]

Soalan 4

-----  
Apakah tiga kategori utama kemahiran hubungan insan (human relations) yang perlu wujud pada seseorang usahawan untuk berjaya? Huraikan secara terperinci setiap kategori?

[25 markah]

Soalan 5

-----  
Perniagaan tidak wujud tanpa perancangan, tambahan pula ianya melibatkan sumber dan tindakan. Oleh itu pada awal perniagaan perlu wujud proses penganalisis peringkat awal (pre-start analysis). Apakah yang anda faham tentang konsep ini dan bagaimanakah ianya dilaksanakan?

[25 markah]

Soalan 6

-----  
Kreativiti dan inovasi merupakan sumber ke arah mencipta ide/produk baru bagi bidang yang diterokai oleh seseorang usahawan. Bagaimanakah pendekatan analisis masalah inventori (problem-inventory analysis) dapat membantu ke arah mewujudkan tahap kreativiti dan inovasi yang lebih berkesan di kalangan usahawan. Bincangkan.

[25 markah]